

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [ TAPAH ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan segera kepada pemilik premis yang meletak halangan pada petak letak kenderaan tanpa kebenaran serta kaedah dan cara mengurangkan pemilikan petak parkir yang melibatkan beberapa petak sewa khas yang diperuntukkan kepada pemilik premis sedia ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tapah, kemudahan tempat letak kereta di kawasan Kuala Lumpur yang diletakkan di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melibatkan tempat letak kereta awam dan tidak termasuk tempat letak kereta persendirian. Ini termasuklah tempat letak kereta bermeter bahu jalan yang melibatkan jalan-jalan awam berjumlah lebih kurang 60,471 petak di seluruh Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tapah juga, halangan pada petak letak kereta sering kali dilakukan oleh pemilik perniagaan dengan meletakkan halangan seperti kon, papan tanda, kerusi/bangku, water barrier dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala

## NO. SOALAN : 2

Lumpur sentiasa menjalankan operasi ke atas kesalahan tersebut dengan melaksanakan tindakan pindah halangan ke atas barangan tersebut. Berdasarkan statistik tindakan bagi tahun 2018 sehingga Januari 2019, sebanyak 90 operasi telah dijalankan dengan barangan yang dialihkan berjumlah 632. Tindakan ini akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan pemilik perniagaan tidak menyalahgunakan petak letak kereta.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga memproses permohonan penyewaan petak khas kepada pemilik perniagaan berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 15 (1), Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016. Seksyen ini menyatakan bahawa Datuk Bandar boleh menyediakan apa-apa bilangan ruang letak kereta khas dalam tempat letak kereta bermeter. Sehingga kini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meluluskan 3,626 petak khas di seluruh kawasan Kuala Lumpur kepada pemilik perniagaan.

Walau bagaimanapun, bermula November 2018 hingga sekarang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menangguhkan kelulusan baru dan pembaharuan penyewaan petak khas di seluruh kawasan Kuala Lumpur bertujuan untuk menyemak dan mengkaji semula proses permohonan penyewaan petak khas. Dalam hal ini, permohonan baru penyewaan petak khas tidak lagi diproses manakala semua petak khas yang telah tamat tempoh penyewaan tidak lagi dilanjutkan penyewaannya. Tindakan dijalankan ke atas petak khas dengan memadamkan garisan petak khas serta membuka palang besi berdasarkan kepada tamat tempoh penyewaan.